

JCB bantu kurangkan jumlah pengangguran



YANG Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika meninjau Pusat Pekerjaan Brunei (JobCentre Brunei - JCB) di Jalan Perindustrian Kampung Beribi (kiri), sementara gambar kanan ketika mendengarkan taklimat peranan dan fungsi JobCentre Brunei - (JCB).

Berita dan Foto : Aimi Sani

BERIBI, Rabu, 9 Januari. - Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengadakan lawatan ke Pusat Pekerjaan Brunei (JobCentre Brunei - JCB) bagi meninjau lebih dekat akan peranan dan fungsi JCB yang terletak di Jalan Perindustrian Kampung Beribi, di

sini.

Terdahulu, rombongan yang diketuai oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon juga selaku Penghulu Mukim Berakas 'B' bersama 18 Ahli MMN itu diberikan taklimat mengenai peranan serta fungsi JCB yang mula beroperasi secara

rasminya pada 11 Januari 2017 dan merupakan tempat pencari pekerjaan untuk mendapatkan maklumat dan kekosongan jawatan dalam sektor swasta.

Selain itu, JCB juga berperanan bagi membantu menukar pemikiran anak tempatan, supaya tidak terlalu bergantung harap kepada sektor kerajaan dan bekerja di sektor swasta, membantu mengurangkan jumlah pengangguran di negara ini, di

samping mengurangkan kebergantungan majikan kepada pekerja asing, sekali gus memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Antara perkhidmatan yang turut disediakan oleh JCB termasuk portal kerja dalam talian, perkhidmatan pemandangan

pekerjaan, sesi wawancara serta latihan dan kursus.

Para pencari kerja sentiasa digalakkan untuk menggunakan sepenuhnya perkhidmatan JCB, selain mengambil bahagian dalam program mereka, yang mana ini adalah selaras dengan aspirasi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian untuk memudahkan penyediaan tenaga kerja yang siap sedia untuk bekerja.

UNISSA - STEI tandatangani MoU



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Tazkia, Indonesia dan diteruskan dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU). Menandatangani bagi pihak UNISSA, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala bagi pihak STEI Tazkia ditandatangani oleh Rektor institusi berkenaan, Yang Terhormat Dr. Murniati Mukhlisin.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan Sekolah Tinggi Ekonomi Islam (STEI) Tazkia, Indonesia dan diteruskan dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU), di sini.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA,

Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala bagi pihak STEI Tazkia pula ditandatangani oleh Rektor institusi berkenaan, Yang Terhormat Dr. Murniati Mukhlisin.

Sebelum upacara penandatanganan MoU, rombongan terlebih dulu mendengar ucapan alu-aluan daripada Rektor UNISSA.

Dalam ucapan alu-aluan beliau, antaranya melahirkan rasa amat berbesar hati dengan kunjungan rombongan seramai enam orang dari STEI Tazkia, Indonesia dan amat berharap penandatanganan MoU ini adalah langkah berkesan untuk menghubungkan jalinan kerjasama dalam bidang pendidikan, khususnya dalam bidang kepakaran yang ada di antara ke dua universiti, program-program pertukaran pelajar, lawatan dan pengabdian

kepadanya masyarakat perlu dirancang dengan rapi agar matlamat sesebuah universiti itu akan tercapai dan terlaksana.

UNISSA mengalu-alukan idea dan sumbangan institusi luar negara dalam membina jalinan strategik untuk sama-sama memberikan didikan ke arah kesempurnaan pelajar demi membangunkan umat dan negara.

Dalam ucapan balas, Yang Terhormat Dr. Murniati Mukhlisin selaku Ketua Rombongan menjelaskan bahawa kunjungan ke

UNISSA adalah dalam rangka untuk bekerjasama mengadakan apa jua bentuk aktiviti, terutama yang berhubung kait dengan ekonomi Islam.

STEI Tazkia adalah sebuah lembaga pendidikan ekonomi dan bisnes Islam yang pertama di Indonesia. STEI Tazkia meyakini bahawa hanya sistem ekonomi yang dipandu oleh hukum-hukum dan ketentuan-ketentuan Allah yang mampu mensejahterakan masyarakat secara adil.

Sesuai dengan namanya, iaitu Tazkia (Tazkiyyah), STEI Tazkia berusaha mendorong perekonomian umat untuk tumbuh (*growth*) secara bersih (*purification*). Upaya ini dilakukan melalui inovasi-inovasi produktif, efektif dan efisien, diiringi dengan upaya menyuburkan zakat dan sedekah sehingga membuatkan hasil berlipat ganda untuk kesejahteraan masyarakat.

Gabungan di antara UNISSA dan STEI Tazkia selepas penandatanganan MoU diharap akan dapat mengukuhkan lagi usaha dalam mendidik dan menghasilkan generasi Muslim yang memiliki kompetensi dan komitmen dalam ekonomi Islam.

Hadir menyaksikan penandatanganan MoU tersebut adalah Deputy Chief of Mission / Minister, Kedutaan Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam, Arko Hananto Budiadi dan Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad.